



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PULAI**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

1 OKTOBER 2014

KENYATAAN MEDIA YB DATUK NUR JAZLAN TAN SRI MOHAMED, PENGERUSI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) BERHUBUNG PROSIDING LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR 2 (KLIA2)

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) selesai mengadakan prosiding Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) dan dijangka akan dapat membentangkan laporan berkenaan pada sesi persidangan Dewan Rakyat yang bermula minggu depan.

Pengerusinya, Datuk Nur Jazlan Mohamed, berkata jawatankuasa berkenaan semalam, memanggil semula Kementerian Pengangkutan dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) bagi mendapatkan maklumat tambahan berhubung pembinaan KLIA2 serta perkembangan terkini lapangan terbang itu.

Katanya, antara yang hadir dalam prosiding semalam adalah Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan (MOT), Datuk Seri Long See Wool dan Ketua Pegawai Operasi MAHB, Datuk Abdul Hamid Mohd Ali.

“Walaupun, projek pembinaan KLIA 2 ini, tidak dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) tetapi PAC berpandangan perlu memanggil semua pihak yang terbabit dalam pembinaan lapangan terbang ini, atas dasar kepentingan awam. Ia disebabkan projek ini, mendapat liputan meluas media arus perdana dan internet sehingga menimbulkan pelbagai persepsi serta pandangan daripada rakyat kepada kerajaan.

“Nur Jazlan berkata, PAC memulakan prosiding KLIA2 pada 16 Januari lalu dengan memanggil MOT sebelum meneruskannya dengan memanggil MAHB pada 1 April lalu,” katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Beliau berkata, berikutan banyak maklumat dalam prosiding MOT dan MAHB membabitkan syarikat penerbangan murah, AirAsia Bhd, PAC kemudian memutuskan untuk memanggil syarikat berkenaan pada 28 April lalu.

“Input serta pandangan daripada AirAsia Bhd yang juga pelanggan terbesar di KLIA2 adalah amat perlu dalam memastikan segala maklumat mengenai KLIA2 benar-benar telus dan benar.

“PAC kemudian berpandangan adalah perlu untuk memanggil semula MOT dan MAHB semula semalam, bagi membolehkan jawatankuasa mendapat pandangan mereka atas beberapa maklumat yang diperolehi sepanjang prosiding KLIA2 yang lepas selain daripada orang awam,” katanya.

Nur Jazlan berkata, adalah perlu untuk PAC mendapatkan pandangan daripada semua pihak berkepentingan sama ada kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta syarikat swasta mengenai KLIA2 bagi memastikan rakyat benar-benar faham mengenai isu yang melanda pembinaan lapangan terbang berkenaan.

Beliau berkata, laporan PAC berhubung KLIA2 akan mempunyai segala maklumat mengenai pembinaan lapangan terbang itu secara komprehensif dan menyeluruh membabitkan segala “Jawatankuasa akan berusaha menyiapkan laporan PAC untuk KLIA2 bulan ini, bagi membolehkan ia dibentangkan dalam sidang Dewan Rakyat yang bermula 7 Oktober hingga 27 November depan sekali gus menjadi dokumen awam untuk rakyat,” katanya.